



How to cite this article:

Azis, M. H. A., Isam, H., & Alimi, K. F. (2022). Ekspresi positif muzik video dangdut goyang Upin & Ipin analisis aspek muzikal. *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture*, 1, 225-247. <https://doi.org/10.32890/jcisc2022.1.10>

EKSPRESI POSITIF MUZIK VIDEO DANGDUT GOYANG UPIN & IPIN: ANALISIS ASPEK MUZIKAL

*(Positive Expressions of Dangdut Goyang Upin & Ipin music
video: Analysis on Musical Aspects)*

¹Mohammad Haris Abd Azis,

²Hishamudin Isam & ³Khairul Faiz Alimi

¹Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

^{2&3} Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: mharis@uum.edu.my

Received: 7/12/2021 Revised: 10/4/2022 Accepted: 5/7/2022 Published: 31/10/2022

ABSTRAK

Muzik dangdut adalah merupakan salah satu irama yang semakin diminati dan mendapat sambutan hangat dalam dunia hiburan tempatan. Muzik dangdut juga dilihat popular dan disenangi pelbagai golongan masyarakat termasuk kanak-kanak yang mendengarnya. Ketika ini fenomena muzik dangdut semakin diminati dan dapat dilihat dengan jumlah tontonan video yang tinggi terhadap eksistensi lagu-lagu dangdut di laman *Youtube*. Sebuah lagu berirama dangdut di Malaysia yang menarik perhatian untuk diselidiki adalah lagu berjudul '*Goyang Upin & Ipin*' (2020). Video muzik animasi yang dimuat naik oleh Syarikat Les' Copaque Production tersebut telah mencatat lebih 1.4 juta tontonan hanya selama 24 jam dan 3.4 juta tontonan selepas 2 hari dimuat naik ke *YouTube*. Namun begitu, wujud stigma dan pelbagai kritikan

ditimbulkan oleh masyarakat yang kurang senang dengan pemilihan irama muzik serta aksi-aksi yang dipaparkan dalam video muzik tersebut. Tidak kurang juga yang beranggapan bahawa aksi ‘gelek’ kesan tindak balas latar muzik dangdut yang dimainkan boleh memberikan kesan negatif kepada minda kanak-kanak. Justeru itu, kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif dengan penjelasan bersifat naratif terhadap kandungan lagu dalam konteks muzikal bagi menganalisis aspek muzikal lagu dangdut ‘*Goyang Upin & Ipin*’ secara autentik. Hasil analisis menunjukkan kesan ekspresi muzik dangdut tersebut cenderung mewujudkan rasa gembira dan memberi kesan ekspresi positif terhadap psikologi pendengar.

Kata kunci: Dangdut, Ekspresi, Aspek Muzikal, Positif, Upin dan Ipin.

ABSTRACT

Dangdut music is one of the rhythms that is gaining popularity and receiving a warm response in the local entertainment world. Dangdut music is also seen as popular and liked by various sections of the community, including children who listen to it. Currently, the phenomenon of dangdut music is becoming more popular and can be seen with the high number of video views on the existence of dangdut songs on Youtube. A dangdut rhythmic song in Malaysia that attracts attention to be investigated is the song entitled ‘Goyang Upin & Ipin’ (2020). The animated music video uploaded by Les’ Copaque Production Company has recorded over 1.4 million views in just 24 hours and 3.4 million views after 2 days of being uploaded to YouTube. However, there is a stigma and various criticisms raised by the community who are not happy with the choice of music rhythm and actions shown in the music video. There are also those who think that the action of ‘gelek’ the effect of the background reaction of the dangdut music played can have a negative effect on children’s minds. Therefore, this study was conducted with a qualitative method with a narrative explanation of the content of the song in the musical context to analyze the musical aspects of the dangdut song ‘Goyang Upin & Ipin’ authentically. The results of the analysis show that the effect of dangdut music expression tends to create a sense of happiness and have a positive effect of expression on the psychology of the listener.

Keyword: Dangdut, Expression, Musical Aspects, Positive, Upin Ipin.

PENDAHULUAN

Banyak hal yang boleh teroka dalam bidang muzik. Salah satunya adalah pengaruh psikologi muzik terhadap kehidupan manusia. Dalam kepelbagaian bidang ilmu masa kini (moden), pengaruh muzik yang lahir dari kesan bunyi dan getaran irama yang menyentuh indera manusia termasuk golongan kanak-kanak secara luaran dapat dikesan. Kajian oleh Damrah dan 'Aytah (2014) misalnya mendapati muzik mampu menjadi terapi positif kepada 48 orang kanak-kanak Syria yang trauma akibat kesan peperangan. Dalam konteks pembelajaran, muzik mampu merangsang minat kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran terutama dalam proses mewujudkan komunikasi berkesan di antara guru dan rakan-rakan (Nasa, 2016). Manakala dalam bidang perubatan pula, kajian Gilad dan Arnon (2010) membuktikan bahawa kaedah penggunaan muzik dalam proses rawatan bayi pramatang dan proses pembedahan golongan kanak-kanak (Chetta, 1981) membantu mengurangkan tekanan, rasa cemas dan bimbang semasa sesi rawatan serta mampu meningkatkan mutu prestasi kerja staf di klinik tersebut.

Stigma muzik adalah “hiburan” yang melalaikan semata-mata harus diubah. Hal ini demikian kerana seni ini adalah suatu bentuk sarana ilmu yang tidak hanya sarat dengan manifestasi dan ekspresi melalui bahasa. Malah menerusi keharmonian, keindahan ritma serta nada iramanya juga lebih jauh melangkaui bahasa (Khan, 1996). Ini terbukti bahawa muzik itu sendiri adalah salah satu cerminan budaya yang menggambarkan kehidupan sesebuah masyarakat (Johan, 2018). Melalui penyampaian lagu atau irama muzik yang dipersembahkan juga memberikan gambaran sosial budaya dan pemikiran sesebuah masyarakat (Shepherd, 1991; Norshafawati, 2010; Kechot, Aman & Shahidi, 2017) serta kesan psikologi muzik dalam kehidupan sosial yang mempengaruhi kehidupan manusia (Juslin & Sloboda, 2001; Becker, 2004; Penman & Becker, 2009).

Terdapat beragam jenis muzik yang muncul melintasi cuping telinga pendengar. Rasa ketertarikan terhadap sesuatu irama dan rentak adalah terdorong dari jiwa-jiwa yang berevolusi. Sebagai contoh, ketika dalam usia kanak-kanak kita terdorong untuk tertarik dengan rentak yang rancak dan gembira. Ketika beranjak dewasa, irama yang lebih halus dan mempunyai makna tertentu serta sesuai dengan proses evolusi kita lebih menjadi pilihan. Akhirnya rentetan evolusi perkembangan manusiawi ini, muzik berupaya menghasilkan suatu gambaran


kehidupan dan sosio budaya sesebuah masyarakat. Dari kebanyakan irama muzik yang diperdengarkan, salah satu irama unik dan tersendiri adalah irama muzik dangdut yang sarat dengan gambaran sosio budayanya (Umam, 2014).

Pada era ini muzik dangdut dilihat semakin popular dan sukses menarik hati pelbagai golongan masyarakat. Awalnya, muzik dangdut memiliki sejarah evolusi perkembangan dari masa ke semasa dan sentiasa diminati oleh banyak masyarakat (Muttaqin, 2006). Muzik dangdut juga sarat dengan paparan sosio budaya masyarakat malah alunan muzik yang menyaluti lagu tersebut juga mampu membawa kepada gambaran budaya, identiti, imej, kelas, status dan pemikiran tersendiri (Weintraub, 2012). Pada ketika ini, fenomena muzik dangdut dapat dilihat menerusi sambutan jumlah tontonan video muzik dangdut di pautan *Youtube* yang kian meningkat dan mencecah puluhan malah ratusan juta penonton sama ada di Indonesia mahupun Malaysia.

Di Malaysia, fenomena sambutan muzik dangdut salah satunya direpresentasikan menerusi video muzik animasi berjudul '*Goyang Upin & Ipin*' yang telah dihasilkan dan dimuat naik oleh Syarikat Les' Copaque Production ke saluran *Youtube* pada 3 Ogos 2020. Jumlah tontonan tinggi yang dicatatkan melebihi 1.4 juta tontonan hanya selama 24 jam dan 3.4 juta tontonan selepas 2 hari dimuat naik ke saluran *YouTube*. Terkini (Jun 2022) jumlah tontonan terhadap video muzik animasi tersebut telah mencecah 300 juta lebih tontonan. Namun begitu, telah wujud stigma dan pelbagai kritikan ditimbulkan oleh masyarakat yang kurang senang dengan dengan pemilihan irama muzik serta aksi-aksi yang dipaparkan dalam muzik video tersebut. Tidak kurang juga masyarakat yang beranggapan bahawa aksi 'gelek' yang dipaparkan dalam bentuk animasi visual muzik video (berteraskan 'dangdut') tersebut dikatakan boleh memberikan kesan negatif kepada minda kanak-kanak oleh segelintir netizen yang tidak bersetuju dengan bentuk persembahan video muzik tersebut. Hal ini demikian kerana, watak Upin dan Ipin sememangnya telah dilihat sebagai '*role model*' (contoh perwatakan baik) dan amat dikenali oleh peminat mereka sama ada dalam kalangan orang dewasa mahupun kanak-kanak di Malaysia serta Indonesia (Rajah 1).

Rajah 1

<https://www.tubeviral.bbn.my/2020/07/04/fan-theory-yg-mengarut/>



Lagu Goyang Upin & Ipin

“Goyang Upin & Ipin” merupakan sebuah lagu berirama dangdut yang dinyanyikan oleh Asyila Putri iaitu salah seorang pelakon suara latar Upin & Ipin. Lagu berdurasi 4.40 saat ini telah dihasilkan dan digubah oleh Ahmad Zakri Tomirin dan Arif Asyraf Munap. Kemudian lagu ini telah dikeluarkan pada 3 Ogos 2020 oleh Syarikat Les’ Copaque Production melalui pautan *YouTube* dalam bentuk video muzikal, dan pelbagai saluran muzik digital seperti *Tik tok*, *Spotify*, *iTunes*, *Deezer* dan *JOOX*.

Lirik: Goyang Upin & Ipin Penyanyi: Upin & Ipin (Asyila Putri)

Mari semua, kita menari hiburan diri
Goyang, goyang, goyang
Goyang semua kasi happy.. Ayuh!

Tangan di atas
Kaki bergerak ikut melodi
Ayuh, abang, kakak
Goyang semua ikut kami

Duh, duh... Marilah semua goyang Upin Ipin
Deh, deh... Mari yuk ikut goyang Upin Ipin

Mari yuk ikut goyang Upin Ipin (haa!)
Ini goyang Upin Ipin (errr haa!)

Eee, eee
Mari yuk ikut goyang Upin Ipin (haa!)
Ini goyang Upin Ipin (errr haa!)
Yuk teman-teman kita goyang...

Kajian Muzik Video Youtube

Kategori video yang terdapat dalam *YouTube* adalah pelbagai iaitu sama ada dalam bentuk hiburan seperti muzik atau lagu, animasi kartun, filem serta yang berbentuk ilmiah seperti pendidikan, perubatan mahupun perniagaan. Penghasilan video kategori muzik atau lagu misalnya mengandungi pelbagai jenis latar muzik seperti pop, rock, balada dan sebagainya. Tontonan video muzik melalui saluran *YouTube* merupakan antara 5 platform media sosial tertinggi yang mempunyai jumlah pengguna aktif bulanan paling banyak iaitu sebaris dengan Facebook, Instagram, Twitter dan Reddit (Kallas, 2017). Justeru itu, muzik video di *Youtube* juga adalah antara pilihan utama semakin popular dikunjungi dalam kalangan pengguna sama ada dalam kalangan golongan dewasa mahupun kanak-kanak sehingga mampu mempengaruhi perilaku segelintir masyarakat (David, Sondakh & Harilama, 2017).

Umumnya, terdapat banyak kajian mengenai kesan (positif dan negatif) muzik video *Youtube* dijalankan terhadap pengunjung terutama golongan kanak-kanak (Harper, 2011; Mulgrew et al., 2014; Michelle, 2018; Kanozia and Jindal, 2019). Kajian Kanozia dan Jindal, (2019) misalnya telah membuktikan bahawa video muzik kanak-kanak di saluran Youtube amat digemari oleh kebanyakan kanak-kanak kerana keberkesannya dalam proses perkembangan minda dan psikomotor mereka. Hal ini kerana, irama mempunyai kaitan positif jangka panjang dengan perkembangan kanak-kanak kerana menerusi kemahiran berirama kesannya dapat meningkatkan sensitiviti keupayaan fonologi dan kebolehan membaca kanak-kanak dengan cepat (Bryant et al., 1989; Dowker & Pinto, 1993; Dunst & Hamby, 2017). Sebagai contoh siri muzik video Youtube '*Nursery*

Rhymes' yang ditayangkan di *Youtube* didapati mampu meningkatkan keupayaan fonologi dalam kalangan kanak-kanak pada usia 2 hingga 6 tahun (Harper, 2011).

Unsur Muzik Dalam Video

Unsur muzik berinteraksi secara subjektif dengan menyerapkan nilai-nilai seperti emosi dan sikap bagi melengkapi sesuatu imej atau visual dalam sesebuah video yang dipaparkan. Sesuai dengan pendapat Bruce (2007) serta Boltz et al. (2009) dalam kajian mereka yang mendapati komposisi muzik latar (audio) yang melibatkan visual atau berkaitan dengan pergerakan babak khas yang diciptakan secara khas mampu memberikan rangsangan *mood* dan perasaan terhadap watak, gerak dan sebagainya sama ada dalam video mahupun filem. Kajian yang dijalankan oleh Cook (2000) pula menjelaskan bahawa unsur muzik dalam sesebuah video memainkan peranan yang sangat penting terhadap pergerakan sesuatu imej iaitu kekaburan lutsinar pada muzik (*the deceptive translucency of music*) yang mewujudkan hubungkait antara muzik dan imej sebagai implikasi secara bersama (*mutual implication*). Kajian beliau juga turut menjelaskan bahawa terdapat makna denotasi dan konotasi tertentu yang terbentuk hasil dari hubungkait antara muzik dan imej serta saling mendukung makna tertentu bagi melengkapi sifat-sifat yang terkandung dalam sesebuah penghasilan video terutama berbentuk muzikal.

Selain itu, kajian Mehring (1990) pula mendapati bahawa kesan muzikal dalam sesebuah video bertindak sebagai nukleus atau intipati sehingga memberikan pesona dan keistimewaan tersendiri. Aplikasi muzikal tersebut adalah merangkumi elemen ritma, tempo, perubahan irama (dinamik) serta kesesuaian gubahan lagu bagi membangkitkan suasana yang ingin digambarkan. Berdasarkan kajian Mehrin juga, dijelaskan bahawa sesuatu komposisi pada latar muzik yang dihasilkan secara khusus adalah disesuaikan dengan pergerakan khas bagi memberi rangsangan (*mood*) dan perasaan terhadap gerak laku, watak atau nilai estetika sesebuah penghasilan video sehingga dapat menghasilkan rangsangan yang sama kepada penonton.

Merujuk kepada kajian Kalinak (2010) pula, keterkaitan muzik dalam penghasilan video merupakan suatu bentuk seni yang dirangkumkan sebagai suatu bentuk teknik sinematik muzikal. Bagi menghasilkan teknik tersebut, kajian secara teoritikal dan pengamatan yang tinggi amat diperlukan dengan memahami kesan fenomena muzik yang

diaplikasikan dalam sesebuah penghasilan video dengan berpandukan kepada kerja-kerja yang bersifat artistik. Justeru interaksi yang berlaku (muzik-video) amat bergantung pada kapasiti muzik yang merujuk kepada sifat atau karekter kesan muzik itu sendiri demi memenuhi keperluan sifat atau watak yang diwujudkan sehingga hasilnya dianggap menarik dan mampu mempengaruhi penonton.

Kesimpulannya, penyelidikan terhadap muzik video dan manipulasinya terhadap elemen muzik menerusi penelitian keberkesanan aplikasinya serta tindakbalas muzik itu sendiri terhadap manusia telah banyak dijalankan. Namun tidak banyak diketahui tentang bagaimana elemen muzik tertentu terutama dari segi aspek muzik dan pelbagai genre muzik yang dipersembahkan dapat berinteraksi dan memberi kesan kepada pendengar (Gabrielsson & Lindstrom, 2001). Justeru itu aspek muzikal ini perlu dijelaskan dan disampaikan kepada khalayak umum bagi tujuan pembuktian secara ilmiah dan bersifat akademik tentang keberkesanan muzik dalam sesebuah penghasilan video. Hal ini penting untuk diketahui kerana aspek ini mampu memberikan kesan ekspresi positif apabila kanak-kanak mendengar, mengamati dan menontonnya. Justeru dalam konteks kajian ini, penelusuran dan penjelasan aspek muzikal genre dangdut dalam muzik video Upin dan Ipin berjudul '*Goyang Upin dan Ipin*' dijadikan data penelitian pengkaji.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan berasaskan pendekatan kualitatif sesuai dengan pendapat Clarke dan Creswell (2015) bagi melihat sesuatu isu dan dijelaskan dari sisi yang berbeza. Justeru penjelasan adalah bersifat naratif terhadap kandungan aspek muzikal lagu. Melalui kaedah ini, kefahaman, kritis dan berdasarkan objektif sesuatu topik akan diberikan (Onwuegbuzie dan Frels, 2016). Justeru dalam konteks kajian ini, sejauhmana keberkesanan aspek muzikal lagu dangdut dalam video muzik '*Goyang Upin & Ipin*' mampu memberikan impak positif kepada pendengar terutama kanak-kanak. Penjelasan terhadap analisis kandungan lagu berfokuskan kepada pengenalanpastian ransangan dan tindak balas aspek muzikal menerusi instrumen, kunci nada dan tempo dalam video lagu '*Goyang Upin & Ipin*' serta kesannya terhadap kanak-kanak. Kajian perpustakaan pula diperolehi

menerusi jurnal-jurnal serta artikel kajian bercetak dan secara atas talian berkaitan aktiviti muzikal serta dibantu dengan penerangan teori muzik yang membantu memberikan kefahaman dan penjelasan tentang kesan terhadap pendengar seperti kanak-kanak.

Kaedah mendengar secara berulang dijalankan bagi mengesan jenis instrumen utama yang digunakan bagi menuansakan rentak lagu berirama dangdut. Pengesanan tempo *beat per minute (bpm)* dianalisis menggunakan perisian *metronome* (alat mengukur kelajuan) manakala kunci nada yang digunakan dikenalpasti menggunakan skala nada (*major/minor mood*) dalam teori muzik barat. Aspek muzikal yang telah dikenalpasti akan dihuraikan berdasarkan kecenderungan kesan ekspresi muzikal yang ditemui melalui kajian-kajian tertentu sehingga menimbulkan kesan-kesan atau ransangan tertentu terhadap pendengar dari sudut psikologi. Kajian ini penting dijalankan bagi merungkai sejauhmana aspek muzikal yang melatari lagu tersebut tidak sewenang-wenang dihasilkan oleh penggubah untuk diperdengarkan. Ini kerana muzik juga adalah unsur audio atau bunyi yang mempunyai fungsi untuk memberikan potensi ekspresif terhadap visual selain mampu mengubah psikologi penonton terhadap pergerakan imej yang dihasilkan (Bottin, 2002).

Instrumen (Alat Muzik) Utama Lagu Dangdut

Kerencaman muzik ini pula dibuktikan melalui asas alatan muzik (instrumen) utama yang sering digunakan dalam permainan irama lagu-lagu dangdut seperti ‘gendang’ (tabla, khendang, ketipung), suling/seruling, akordian, tamborin, alat muzik barat (Drum, gitar elektrik, bass, keyboard/organ). Manakala alat muzik lain yang turut diserapkan dalam persembahan lagu dangdut termasuklah mandolin, gambus, sitar, perkusi, sintetizer, saxophone dan alatan muzik digital yang menambahkan kesan tambahan dalam muzik dangdut.

Namun begitu, kehadiran bunyi tabuhan instrumen ‘Tabla’ atau dalam dunia persembahan dangdut disebut ‘gendang’ sahaja (Andaryani, 2011) dan gendang/Khendang/Ketipung dalam setiap penciptaan lagu dangdut di Malaysia serta pelbagai sub genre dangdut yang terdapat di Indonesia membuktikan kekuatan ciri khas dalam membentuk irama dan rentak genre dangdut (Rajah 2 dan Rajah 3). Bunyi asas instrumen tabla “*tak, tung, dang, dan dut*” yang cenderung menonjol dan menggunakan pola/corak *chalte* memperlihatkan unsur saduran irama dari negara India (Weintraub, 2013).

Rajah 2

Tabla(<http://goyang-musik-dangdut.blogspot.com/2014/06/alat-musik-tabla-kendang-dua.html>)



Rajah 3

Gendang/Khendang/Ketipung

(<http://worldofharmonie.blogspot.com/2014/09/alat-alat musik dalam-dangdut-dan.html>)



KUNCI NADA/SKALA NADA (*MODE*)

Terdapat dua jenis kunci nada/skala utama (*mode*) dalam sesebuah lagu yang sering digunakan iaitu *major* dan *minor* (Crowder, 1984). Kajian menjelaskan bahawa kunci nada *major* mempunyai tindak balas emosi positif (gembira), manakala kunci nada *minor* bertindak

balas negatif (sedih). Perbezaan bagi mengenalpasti kedua-dua skala ini adalah melalui kedudukan *mediant* atau *third notes* (not ketiga). Bagi mengenal pasti skala nada *major* misalnya, not ketiga mengandungi empat (4) semitone iaitu jarak terkecil antara not dalam 12 not satu oktaf (*octave*). Manakala skala nada *minor* terdiri daripada tiga (3) semitone (Radocy & Boyle, 1988). Contoh pembentukan kunci nada ini digambarkan seperti dalam Rajah 4.

Rajah 4

Contoh Diatonic Tones Octave yang Membentuk Skala Nada Major dan Minor



Skala *major* dan *minor* terbahagi juga kepada beberapa skala (*scale*) iaitu susunan not berdasarkan jarak semiton yang tertentu dan setiap *mode* ini mempunyai karakter tersendiri dalam proses interaksi terhadap emosi (Schriffrin, 2011). Berikut adalah istilah karakter yang dimaksudkan:

As a first step in the study of the relationship of music and emotions, we appeal to the Greek modes:

- **Ionian** (*major scale*) for positive moods, happiness, euphoria, exhilaration;
 - **Dorian and Aeolian** (*minor scales*) for sadness, melancholy, loneliness;
 - **Phrygian** for hope, longing, a sense of „almost there“;
 - **Lydian** for affirmation (more positive than Ionian);
 - **Mixolydian** for searching, adventure, discovery;
 - **Locrian**, which is somewhat like Phrygian but toned down, however it could be useful according to the circumstances
- Sumber: Schriffrin, 2011.


TEMPO

Perbezaan tindak balas emosi terhadap muzik adalah berkaitan dengan perubahan yang berlaku pada tempo yang secara konsisten (Gagnon & Peretz, 2003). Selain itu kesan manipulasi tempo terhadap

sesebuah lagu juga akan menghasilkan ransangan tertentu (Husain, 2002). Hasil rangsangan tersebut, menunjukkan bahawa impak tempo bersifat *major* lebih memanipulasi keberadaan *mood* sesebuah lagu. Hasil dari penelitian Cohen (1993) menunjukkan nilai kecepatan lebih beraksi gembira sekiranya not melodi berada pada kedudukan pitch yang cepat dan tinggi (Lihat Rajah 5). Sebaliknya sekiranya not melodi bergerak perlahan atau rendah akan menghasilkan reaksi kurang gembira (*minor mood*).

Rajah 5

Graf Ukuran Reaksi Gembira Berdasarkan Tempo dan Ketinggian



Sumber: Cohen (1993)

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, analisis dan perbincangan data yang diperolehi akan dijalankan berdasarkan tiga bahagian utama yang ingin diselidiki iaitu instrumen (alatan muzik khusus dangdut), kunci nada (*mode*) dan tempo. Setiap dapatan analisis data (aspek muzikal) yang ditemui berdasarkan data lagu '*Goyang Upin & Ipin*' dihuraikan pada bahagian ini bagi menjelaskan kesan ekspresi yang dihasilkan melalui gubahan lagu tersebut.


Data 1: Instrumen (Alatan muzik khusus dangdut)

Analisis bagi mengenal pasti aspek muzikal seperti instrumen adalah menfokus kepada jenis alatan muzik khusus yang digunakan dalam

sebuah gubahan lagu dangdut (Rajah 7). Dapatkan analisis menunjukkan dapatan analisis data instrumen bagi lagu 'Goyang Upin & Ipin' didapati mengaplikasikan instrumen muzik seperti 'Tabla' seawal permulaan (intro) lagu.

Rajah 7

https://www.youtube.com/watch?v=bqPqp_XLLTU



Rajah 8

Paparan Julat Frekuensi Paluan Instrumen 'Tabla' Dalam Lagu 'Goyang Upin & Ipin'.



Minit 0:33 dalam muzik video animasi 'Goyang Upin & Ipin' telah memperdengar paluan/ketukan gendang 'Tabla' secara solo bermotifkan rentak 'chalte' hingga dilihat mendorong watak kanak-kanak dalam video muzik animasi tersebut 'bergoyang' atau berjoget (Lihat Rajah 8). Dalam istilah muzik dangdut, irama dangdut adalah suatu bentuk peniruan (*Onomatopoeia*) yang dikeluarkan dari sepasang gendang kecil

(gendang/tabla). Bunyi khusus tersebut diterjemahkan menerusi bunyi "*ta-dunk-dunk*" = 'Dang', dan bunyi '*doot*' = 'Dut' yang dimainkan khusus untuk muzik dangdut (Simatupang, 1996; Djuanda, 1998). Berdasarkan kenyataan ini, instrumen 'Tabla' sahaja akan diberi tumpuan untuk dibincangkan dari segi kesan aplikasinya dalam konteks muzik dangdut.

Kesan ekpresi instrumen 'Tabla'.

Hasil analisis didapati penonjolan instrumen 'Tabla' pada pembukaan lagu (Intro) telah merepresentasi konsep muzik dangdut dalam gubahan lagu "Goyang Upin & Ipin". Ini sesuai dengan kenyataan bahawa alat muzik pengendangan (Tabla/Khendang) khusus dangdut tetap hadir dalam penghasilan lagu-lagu dangdut (Simatupang, 1996; Djuanda, 1998; Weintraub, 2013; Denis Setiaji, 2019). Bunyi asas instrumen Tabla iaitu "*tak, tung, dang, dan dut*" yang cenderung monoton dan menggunakan pola/corak *chalte* memperlihatkan unsur saduran irama dari negara India (Weintraub, 2013). Terdapat kajian menjelaskan kesan ritma yang terhasil dari permainan instrumen seperti Tabla dan Sitar dalam penghasilan lagu berirama India menghasilkan suasana lincah, gembira dan damai (*peacefulness*) (Cooper, 2018). Selain itu, irama yang terhasil dari jenis instrumen tersebut juga mampu mewujudkan hubungan relatif positif yang tinggi seperti menzahirkan perasaan perpaduan sosial dan hubungan pengalaman sosial yang positif (Sanyal & Widdess, 2004; Jairazbhoy, 2011) serta mampu meningkatkan daya kreativiti kognitif pemuzik mahupun khalayak pendengar (Neuman, 2012).

Terdapat kajian juga menjelaskan bahawa ciri khas instrumen gendang Tabla menghasilkan bunyi '*nduut*' berupaya memberikan kesan psikologi, meningkatkan daya tarikan erotik, dan menyenangkan irama muzik itu sendiri (Setiawan, 2019). Bunyi ketukan yang dihasilkan oleh gendang 'Tabla' mahupun 'khendang' juga mampu menstimulasikan rasa gembira dan rangsangan bersemangat apabila dimainkan (Nugroho & Hastjarjo, 2017). Kajian juga mendapati pengamat muzik India cenderung mendapat rangsangan bunyi bersifat 'damai' (*peacesfullness*) dan sifat kegembiraan (*Happyness*) yang terhasil dari irama India (Balkwill and Thompson, 1999; Balkwill et al., 2004; Fritz et al., 2009; Laukka et al., 2013). Bunyi yang dihasilkan

ini diperolehi melalui instrumen muzik India seperti gabungan Tabla dan Sitar seperti dalam permainan muzik karnatik. Ini bermakna, kecenderungan ekspresi 'tidak dengan paksaan' (spontan) iaitu bersifat positif dari rangsangan irama yang diperolehi hasil ketukan instrumen

‘Tabla’ misalnya mendorong perasaan gembira. Secara tidak langsung rentak yang dihasilkan akhirnya turut mendorong untuk pendengar menggerakkan tubuh dengan reaksi berjoget atau bergoyang sebagai suatu bentuk apresiasi terhadap seni muzik dangdut (Widiyo, 2004).

Hasil dari perlakuan bergoyang atau berjoget dalam kalangan kanak-kanak ini pula sebenarnya mempunyai manfaat dari segi perkembangan kelenturan tubuh (*Flexibility Development*), kemampuan bergerak menerusi keseimbangan badan, menyelaraskan pola langkah kaki dengan ritma/rentak muzik, meningkatkan kreativiti serta dapat mengembangkan kelenturan otot tubuh (Sedyawati, 1981; Tarnowski, & Murphy, Vanissa, 2003).

Data 2: Kunci nada


Hasil penelitian terhadap aplikasi kunci nada/skala (*mode*) yang digunakan dalam penghasilan lagu ‘Goyang Upin & Ipin’ adalah didapati menggunakan kunci nada ‘*E minor*’ (Em). Berikut ini adalah contoh sebahagian paparan lirik dan *chord* yang terkandung dalam lagu tersebut:

	[Intro] Em D C D	
Em		C
Mari semua, kita menari hiburkan diri		
G		D
Goyang, goyang, goyang, Goyang semua kasi happy (ayuh)		
Em		C
Tangan di atas, kaki bergerak ikut melodi		
G		D
Ayuh, abang, kakak, goyang semua ikut kami		

Pengenalpastian kunci nada utama ini dapat dilihat melalui kandungan nada *E minor* (Em) yang merangkumi nada E, F $\sharp$, G, A, B, C, dan D. Kedua-dua nada ini juga berkongsi tanda *signature* yang sama iaitu F $\sharp$ seperti ditunjukkan dalam Rajah 9.

Rajah 9

https://en.wikipedia.org/wiki/E_minor



Namun dalam konteks lagu ini dijelaskan bahawa *tonic* (nada utama) adalah bersifat *minor* yang telah diaplikasikan dalam gubahan lagu tersebut. Penelitian menunjukkan jenis penggunaan nada yang diaplikasikan dalam keseluruhan lagu 'Goyang Upin & Ipin' adalah melibatkan empat *chord* utama iaitu Em, G, C dan D yang terangkum dalam kelompok kunci nada *E minor*. Melalui dapatan tersebut, perbincangan akan difokuskan kepada kesan jenis kunci nada yang digunakan iaitu '*minor*'.

Data 3: Tempo

Pengenalpastian tempo menggunakan perisian *metronome* yang digunakan dalam lagu 'Goyang Upin & Ipin' pula adalah 170 *beat per minute* (bpm) dalam birama 4/4. Berdasarkan istilah yang digunakan dalam teori muzik, kelajuan tempo tersebut disebut sebagai *Vivace* (156-176bpm) iaitu bersifat cepat atau laju. Justeru tempo ini akan dibincangkan dalam perbincangan seterusnya dengan menjelaskan kesan aplikasinya terhadap lagu dan kecenderungan ekspresi yang dihasilkan apabila diperdengarkan kepada khalayak umum.

Kesan ekspresi kunci nada dan tempo.

Unsur kunci nada '*minor*' adalah merupakan suasana latar (*mood*) dalam penciptaan lagu dangdut 'Goyang Upin & Ipin'. Berdasarkan kajian-kajian lepas, sifat kunci nada diterjemahkan dengan perasaan duka dan bersifat melankolik diwakili '*minor*', manakala perasaan gembira dan bahagia diwakili '*major*' (Schoen, 1940; Lundin, 1967; Thompson, Schellenberg & Husain, 2001). Walau bagaimanapun, sifat atau karakter kunci nada ini lebih didominasi oleh kelajuan atau tempo yang beriringan dalam sesebuah lagu. Penjelasaannya dapat ditemui berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Husain (2002) iaitu wujud manipulasi terhadap kunci nada/skala (*mode*) yang memberi kesan

terhadap *mood* maupun suasana. Namun, manipulasi terhadap tempo sangat memberi kesan terhadap sesuatu rangsangan. Menerusi kesan rangsangan, interaksi yang signifikan antara *mode* dan tempo telah memberikan impak iaitu tempo yang lebih kukuh bersifat *mode major* (gembira) berbanding *mode minor* (sedih). Interaksi tersebut dapat dilihat melalui tahap keseronokan terhadap muzik (*rating musical enjoyment*), apabila tempo (walaupun mempunyai persamaan tempo) memberi kesan yang lebih positif dalam *mode major* berbanding yang lebih ke arah negatif dalam *mode Minor* (Gabrielsson, Thompson, & Schellenberg, 2002; Husain, (2002).

Dalam istilah muzikal juga, telah dijelaskan bahawa lagu yang mempunyai tempo cepat akan dinyanyikan dengan ekspresi gembira dan bersemangat (Kamien, 1992). Kesan dari aplikasi tempo terhadap lagu juga sebenarnya mampu memberi aura rangsangan atau keghairahan kepada pendengar berdasarkan kelajuan dan kelambatan sesebuah lagu (Thompson et al., 2001). Justeru itu, peranan tempo sangat penting bagi menghidupkan suasana emosi dan aura (sedih, gembira, semangat) tertentu dalam sesebuah lagu. Ringkasnya, dapatan penggunaan tempo cepat (*vivace*) walaupun berasaskan skala nada *minor* dalam lagu 'Goyang Upin & Ipin' sebenarnya mewujudkan ekspresi positif dengan memberikan rangsangan gembira ketika diperdengarkan. Ini sesuai dengan kenyataan bahawa manipulasi tempo terhadap skala nada (kunci nada) mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perubahan rangsangan (*arousal*) dan suasana (*mood*) sesebuah lagu termasuklah kesan emosi terhadap pendengar (Gabrielsson, Thompson, & Schellenberg, 2002). Secara tidak langsung, ekspresi yang ditonjolkan berdasarkan data kunci nada (*mode Minor*) dan tempo yang ditemui dalam lagu 'Goyang Upin & Ipin' adalah signifikan terhadap perkembangan psikologi positif kanak-kanak.

KESIMPULAN

Pendedahan ini penting untuk ketahui kerana terdapat kesan atau makna tambahan (ekstra muzikal) yang membantu ke arah interaksi kognitif pendengar di luar konteks muzik seperti kesan rangsangan, kognitif, dan emosi (Juslin & Sloboda, 2001; Kivy, 2002; Patel, 2008; Koelsch, 2012). Dalam konteks ini juga, tindak balas kognitif melalui kesan ekspresi positif diterjemahkan dengan penerimaan lagu dangdut dari pelbagai golongan masyarakat termasuk kanak-kanak. Senada dengan pendapat Suls dan Martin, (2005), bahawa perubahan emosi adalah berdasarkan

tingkahlaku yang ditunjukkan seseorang melalui rangsangan yang diterima. Justeru pemilihan muzik yang berunsur positif akan melahirkan kesan yang positif dan mendengar muzik yang gembira akan melahirkan perasaan yang gembira (Västfjäll, Juslin, & Hartig (2012). Manakala perubahan atau tindak balas intensiti menerusi elemen muzikal ini jelasnya berkemampuan dalam mempengaruhi tindakbalas psikologi pendengar Webster & Weir (2005). Secara keseluruhannya, menerusi tiga (3) aspek muzikal (instrumen, kunci nada (*mode*), tempo) yang digunakan dalam penghasilan lagu dangdut '*Goyang Upin & Ipin*' jelas mampu memberikan kesan ekspresi positif berupa rangsangan dan tindakbalas melalui interaksi muzikal yang positif terhadap khalayak pendengar khususnya kanak-kanak.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis telah menyumbang kepada konsep dan reka bentuk kajian. Penyediaan bahan, pengumpulan data dan analisis telah dijalankan oleh semua penulis.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang diketahui yang boleh mempengaruhi hasil kerja yang dilaporkan dalam kajian ini.

KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada penulis yang bertanggungjawab atas permintaan yang munasabah.

PERNYATAAN ETIKA

Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua peserta individu yang terlibat dalam kajian ini.

RUJUKAN

Becker, J. (2004). *Deep Listeners: Music, Emotion, and Trancing*.
Bloomington, IN: Indiana University Press.

- Balkwill, L. L., Thompson, W. F. (1999). A cross-cultural investigation of the perception of emotion in music: Psychophysical and cultural cues. *Journal Music Perception*. 17, 43–64. Doi 10.2307/40285811.
- Boltz, Marilyn G., Brittany Ebendorf & Benjamin Field. (2009). Audio visual Interactions: The Impact of Visual Information on Music Perception and Memory, *Music Perception*. An Interdisciplinary Journal 27(1), 43-59. <https://doi.org/10.1525/mp.2009.27.1.43>
- Bryant, P. E. et al. (1989). ‘Nursery rhymes, phonological skills and reading’. *Journal of Child Language*, 16(2), pp. 407–428. doi: 10.1017/S0305000900010485.
- Bruce, A., B. (2007). *The visual story: creating the visual structure of film, TV and digital media* (2nd ed). Amsterdam. Boston: Focal Press
- Chetta, H. (1981). The effect of music and desensitization on preoperative anxiety in children. *Journal of Music Therapy* 18(2): 74-87.
- Clark, I., P., & Creswell, J., W. (2015). *Understanding research*. New Jersey: Pearson Education.
- Cohen, A.J. (1993). Associationism and musical soundtrack phenomena. *Music and the Cognitive Sciences*, 9(1), 163-178. <https://doi.org/10.1080/07494469300640421>
- Cook, N. (2000). *Analysing Musical Multimedia*. New York: Oxford University Press Inc.
- Cooper, A. (2018). *Musical connectivity in Sitar and Tabla performance*. PhD Thesis. The University of Edinburgh
- Crowder, R. G. (1984). Perception of the major/minor distinction: I. Historical and theoretical foundations. *Psychomusicology: A journal of research in music cognition*, 4(1-2), 3. <https://doi.org/10.1037/h0094207>
- Damrah, J. & ‘Aytah, S. A., (2014). Athar al-‘ilaj al-ma‘rafi al-suluki al-markazi ‘ala al-sadmah wa al-‘ilaj bi al-musiqi fi khafdi a‘rad qalq ma ba‘d al-sadmah lada ‘aynah min atfal al-hurub. *Dirasat al-‘Ulum wa al-Tarbiyyah Journal*, 41(1), 101-115. <https://doi.org/10.32890/jcisc2022.1.10>
- David, E. R., Sondakh, M., & Harilama, S. (2017). Pengaruh Konten Vlog dalam Youtube terhadap pembentukan sikap mahasiswa Ilmu Komunikasi Fakultas Ilmu Sosial dan Politik Universitas Sam Ratulangi. *Acta Diurna Komunikasi*, 6(1).
- Denis Setiaji. (2019). Internalisasi Dimensi Interkultural Permainan Gendang Dalam Komunitas Dangdut Koplo: Sebuah Kajian Konstruksi Sosial. *Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*,

- 14(1), 19-27. doi: 10.33153/dewaruci.v14i1.2533
- Djuanda. (1998, September 6). The Dangdut Music and Dance. Diperoleh daripada <http://www.geocities.com/Vienna/Choir/3811/Dangdut.html>
- Dowker, A. & Pinto, G. (1993). 'Phonological devices in poems by English and Italian children', *Journal of Child Language*, 20(3), 697–706. doi: 10.1017/S0305000900008540.
- Dunst, C. J. and Hamby, D. W. (2017). 'Relationship Between Young Children's Nursery Rhyme Experiences and Knowledge and Phonological and Print-Related Abilities', Retrieved May 12, 2011 http://www.earlyliteracylearning.org/cellreviews/cellreviews_v4_n1.pdf
- Sedyawati. (1981). *Pertumbuhan seni pertunjukkan*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Andaryani, E. T. (2011). Persepsi Masyarakat terhadap Pertunjukan Musik Dangdut Organ Tunggal. *Journal of Arts Research and Education*, 11(2), 163-172
- Fritz T., Jentschke S., Gosselin N., Sammler D., Peretz I., Turner R., et al. (2009). Universal recognition of three basic emotions in music. *Current Biology Journal*. 19(7), 573–576. 10.1016/j.cub.2009.02.058.
- Gabrielsson, A., & Lindström, E. (2001). The influence of musical structure on emotional expression. In P. N. Juslin & J. A. Sloboda (Eds.), *Music and emotion: Theory and research* (pp. 223–248). Oxford University Press.
- Gabrielsson, A., Thompson, W. F. & Schellenberg, E. G. (2002). Effects of musical tempo and mode on arousal, mood, and spatial abilities. *Music Perception: An Interdisciplinary Journal*. 20(2), 151-171. <https://doi.org/10.1525/mp.2002.20.2.151>
- Gagnon, L., & Peretz, I. (2003). Mode and tempo relative contributions to "happy-sad" judgments in equitone melodies. *Cognition and Emotion*, 17, 25–40. <https://doi.org/10.1080/026999303020279>
- Gilad, E. & Arnon, S. (2010). The role of live music and singing as a stress-reducing modality in the Neonatal Intensive Care Unit Environment. *Music and Medicine Journal* 2(1): 18-22. <https://doi.org/10.47513/mmd.v2i1.233>
- Harper, L. (2011). 'Nursery Rhyme Knowledge and Phonological Awareness in Preschool Children.', *Journal of Language and Literacy Education*, 7(1), pp. 65–78.
- Husain, G., Thompson, W. F., & Schellenberg, E. G. (2002). Effects of musical tempo and mode on arousal, mood, and spatial abilities. *Music Perception*, 20(2), 151-171. <https://doi.org/10.1525/mp.2002.20.2.151>
- Jairazbhoy, N. A. (2011). The Rags of north Indian music: Their

- structure and evolution. Mumbai, India: Popular Prakashan.
- Johan, A. (2018) *Cosmopolitan Intimacies: Malay Film Music from the Independence Era*. Singapore: NUS Press.
- Juslin, P. N., & Sloboda, J. A. (2001). *Music and emotion: Theory and research*. Oxford: Oxford University Press.
- Kamien, R. (1992). *Music An Appreciation*. (5th ed.). United State of America: Mc Graw-Hill, Inc.
- Kallas, P. (2017). Top 15 most popular social networking sites and apps. Retrieved October 23, 2017, <https://www.dreamgrow.com/top-15-most-popular-socialnetworking-sites/>
- Kanozia & Jindal. (2019). Do Youtube Based Children Channels Impact Parenting? An exploratory study. *Review of Research* 8(8), 1-12
- Kalinak, K. (2010). *Film music: A very short introduction*. Oxford University Press, New York.
- Kechot, A. S., Aman, R. & Shahidi A.H. (2017). Komunikasi Sosial dalam Kalangan Etnik di Lembangan Sadong: Gendang Melayu Sarawak. *Jurnal Komunikasi* 33(1): 158 – 172.
- Khan, H. I. (1996). *The Mysticism of Sound and Music*. Delhi: Shambhala
- Kivy, P. (2002). *Introduction to a philosophy of music*. Oxford: Oxford University Press.
- Koelsch, S. (2012). *Brain and music*. Chichester, UK: Wiley-Blackwell. <https://doi.org/10.1525/mp.2014.31.4.387>
- Penman, J. & Becker, J. (2009). Religious ecstasies “Deep listeners” and musical emotion. *Empirical Musicology Review*, 4(2), 49-70.
- Patel, A. D. (2008). *Music, language, and the brain*. Oxford: Oxford University Press.
- Laukka, P., Eerola, T., Thingujam, N. S., Yamasaki, T., Beller, G. (2013). Universal and culture-specific factors in the recognition and performance of musical affect expressions. *Emotion*, 13(3), 434-449. Doi: 10.1037/a0031388 <https://doi.org/10.1037/a0031388>
- Lundin, R. W. (1967). *An objective psychology of music*. New York: The Ronald Press Company.
- Mehring, M. (1990), *The Screenplay. A Blend of Film Form and Content*, London: Focal Press.
- Moh. Muttaqin. (2006). Musik dangdut dan keberadaannya di masyarakat: Tinjauan dari segi sejarah dan perkembangannya. *Jurnal Pengetahuan dan Pemikiran Seni (HARMONIKA)*, 7, 1-9.
- Michelle Y. Ko. (2018). Youtube As An Early Childhood Music Education Resource: Parental attitudes, beliefs, usages, and

- experiences. (Unpublished doctoral dissertation). Faculty of the Graduate School at the University of Missouri-Columbia
- Mulgrew, K. E., Volcevski-Kostas, D., & Rendell, P. G. (2014). The effect of music video clips on adolescent boys' body image, mood, and schema activation. *Journal of youth and adolescence*, 43(1), 92-103.
- Nasa, A. H. M., Yasin, M. H. M. & Tahar, M. M. (2016). Keberkesanan kaedah terapi muzik dan seni dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara*, hlm. 411-417.
- Neuman, D. (2012). Pedagogy, Practice and Embodied Creativity in Hindustānī Music. *Ethnomusicology*, 56(3), 426-449. <https://doi.org/10.5406/ethnomusicology.56.3.0426>
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010). Muzik Dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Hiburan Dalam Akhbar-Akhbar Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian* 26(2): 47 – 65.
- Nugroho D.A, & Hastjarjo, D.T. (2017). The effects of Bayan Tabla Timbre on stimulus discrimination and perception of music emotion in a Dangdut music fans, Neutral, and Haters Group. *Journal Psychiatry* 20(3), 1-7.
- Onwuegbuzie, A. J., & Frels, R. (2016). Seven steps to a comprehensive literature review: A multimodal and cultural approach. Sage Publishing. Diperoleh daripada <https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=G0ZsCgAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=Onwuegbuzie>, <https://doi.org/10.4135/9781036235116>
- Radocy, R. E., & Boyle, J. D. (1988). *Psychological foundations of musical behavior*. Springfield, IL: Charles C Thomas.
- Ryan, R., & Deci, E. (2000). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Journal Contemporary Educational Psychology*, (25)1, 5467. <https://doi.org/10.1006/ceps.1999.1020>
- Sanyal, R., & Widdess, R., (2004). *Dhrupad - Tradition and performance in Indian music*. England: Ashgate.
- Schiffrin, L. (2011). *Music composition for film and television*. Berklee Press. Boston.
- Schoen, M. (1940). *The Psychology of Music: A Survey for Teacher and Musician*. New York: The Ronald Press Company
- Setiawan. (2019). *Dangdut: Budaya musik etnik nusantara* Institut Seni Indonesia Surakarta: Indonesia
- Shepherd, J. (1991). *Music as social text*. Cambridge: Polity Press.

- Simatupang G.R. Lono Lastoro. (1996). The Development of Dangdut and Its Meanings: A study of popular music in Indonesia. Thesis. Victoria: Monash University.
<https://doi.org/10.26180/19534744>
- Suls, J., & Martin, R. (2005). The daily life of the garden-variety neurotic, stressor exposure, mood spillover, and maladaptive coping. *Journal of Personality*, 73(6), 1485-1510
- Tarnowski, Susan M. & Murphy, Vanissa B., (2003), Recruitment, retention, retraining, and revitalization among elementary music teachers in Wisconsin and Minnesota. *Applications of Research in Music Education* 22(1), 16-29.
<https://doi.org/10.1177/87551233020220010601>
- Thompson, W. F., Schellenberg, E. G., & Husain, G. (2001). Arousal, mood, and the Mozart effect. *Journal Psychological Science*, 12(3), 248–251
<https://doi.org/10.1111/1467-9280.00345>
- Umam, M. K. (2014). Musik dangdut dan ironi pendidikan seni di Yogyakarta. *Jurnal Sosiologi Reflektif*, 9(1), 155-164. Diperoleh daripada <https://dangdutstudies.com/2019/10/14/moh-khatibul-umam-musik-dangdut-dan-ironi-pendidikan-seni-di-yogyakarta>
<https://doi.org/10.1111/1467-9280.00345>
- Västfjäll, D., Juslin, P. N., & Hartig, T. (2012). Music, subjective wellbeing, and health: The role of everyday emotions. In R. MacDonald, G. Kreutz, & L. Mitchell (Eds.), *Music, health, and wellbeing* (pp. 405-423). Oxford:OxfordUniversityPress.
<https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780199586974.003.0027>
- Webster, Gregory D., & Weir, Catherine G. (2005). Emotional Responses to Music: Interactive Effects of Mode, Texture, and Tempo. *Motivation and Emotion Journal*, 29, 19–39
- Weintraub, Andrew N. (2012). *Dangdut: Musik, identitas dan budaya Indonesia*. Jakarta: KPG.
- Weintraub, Andrew N. (2013). The Sound and Spectacle of Dangdut Koplo: Genre and Counter-Genre in East Java, Indonesia. *Journal of the Society for Asian Music*, 44(2), 160-194
- Widiyo. (2004). Musik Dangdut di kalangan remaja Kota Semarang (Dangdut Music of Adolescent Society in Semarang City). *Jurnal of Arts Research and Education*, 5(3), 1-12.